

Program Kempen Kesedaran Kanser MAKNA Jelajah IPTA 2007 Peringkat UniMAP

25 Mac 2007

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), menjadi destinasi ketiga bagi “**Program Kempen Kesedaran Kanser Majlis Kanser Nasional (MAKNA)**” yang diadakan di Dewan 2020, 25 Mac 2007 lalu.

Program yang dilancarkan di peringkat kebangsaan pada 6 Mac 2007 itu melibatkan semua 18 Institut Pengajian Tinggi Awam di seluruh negara.

Ia bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat umum khususnya golongan pendidik dan mahasiswa serta menggalakkan amalan pemakanan dan gaya hidup sihat.

Ceramah mengenai kesedaran kanser pada program itu, disampaikan sendiri oleh Presiden MAKNA, Y. Bhg. Dato' Mohd Farid Ariffin.

Sebelum itu dalam ucapan perasmian, Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin berkata, sikap orang ramai yang suka meletakkan diri di dalam keadaan selesa menyebabkan ramai orang melepaskan peluang untuk menjalani pemeriksaan kesihatan, walaupun ia diberikan secara percuma.

Ekoran daripada sikap ini, ada yang tidak boleh menerima hakikat apabila diberitahu mereka menghidap sesuatu penyakit serius kerana tidak mengalami sebarang gejala.

Namun, itulah sifat penyakit kronik. Kehadirannya tidak dirasai dan pesakit masih boleh menjalankan kegiatan harian tanpa masalah kerana kesan hanya timbul apabila penyakit telah sampai ke tahap serius, katanya. Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri, Y.Bhg Dato' Hj. Abu Bakar Ismail yang mewakili Y.A.B. Menteri Besar Perlis.

Sementara itu, pada sidang akhbar ,Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin berkata, pihak UniMAP akan melakukan BioProses dan BioPerubatan bagi mencari tumbuhan yang boleh digunakan bagi mengubati penyakit kanser.

Katanya lagi, tujuan penubuhan sebuah universiti adalah untuk memberi bantuan kepada masyarakat.

